

Sikap terbuka Pak Lah pikat hati perwakilan

Cara Abdullah tangani kritikan wajar jadi ikutan

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-57 berakhir kelmarin. Pelbagai isu terutama agenda Melayu hangat diperbincangkan. Banyak pihak beranggapan ucapan dasar dan ucapan penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dapat merungkai pelbagai isu dan polemik yang timbul sebelum ini. Ikuti temu bual wartawan *Berita Minggu*, Ziauddin Sharuddin dan Norakmah Mat Youb, bersama Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, mengenai perbezaan perhimpunan kali ini.

BH-19/11/2006

Soal Jawab

? APA pandangan Datuk terhadap perhimpunan kali ini.

Pertama sekali, perhimpunan tahun ini bukan yang berkait dengan pemilihan. Fokus perbincangan kali ini lebih kepada perkara pokok, bukan untuk menyindir, mengata ataupun menilai perbuatan seseorang itu sama ada baik atau tidak.

Kali ini juga tidak ada kesibukan belakang tabir. Selalunya, ketika pemilihan kesibukannya tidak nampak di luar tetapi di belakang tabir. Kali ini semua perwakilan dan ahli Umno tidak tergesa-gesa balik ke bilik masing-masing.

Apa yang ingin dibahaskan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ditekankan pada ucapan perasmian. Contohnya, dalam gagasan kelapan iaitu menangani rasuah dengan penekanan kepada pendekatan pencegahan di samping pendekatan punitif, tetapi, tiada perwakilan membincangkan isu itu. Ia adalah satu agenda penting sehingga ia disentuh pada setiap kali perhimpunan berlangsung.

Selain itu, kali ini adalah persidangan Pak Lah menilai dirinya dan sumbangan serta kemampuannya selama menjadi Perdana Menteri.

Sebenarnya, saya tertarik keadaan di luar Umno sebelum ini iaitu kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) dan kritikan parti Barisan Nasional (BN) terhadap beberapa dasar kerajaan semuanya terjawab dalam ucapannya yang paling ringkas dan padat. Jadi

disebabkan tiada pemilihan, ucapan itu lebih mudah didengari dan dihayati ramai perwakilan.

Satu lagi yang menarik ialah walaupun sehebat mana konflik di luar terutama dengan Tun Dr Mahathir, sebenarnya isunya tidak timbul kerana Pak Lah sendiri mengambil langkah bahawa ini isu terbuka. Kritikal dan bincanglah tetapi biar kritik yang membina. Jangan fitnah dan mengaibkan. Bila kata macam itu orang lain sudah tidak boleh bercakap kerana apabila bercakap jika tujuannya untuk mengaibkan tidak usahlah bercakap.

Jadi, perwakilan mengambil kira perkara itu. Mana-mana perwakilan yang sudah siap ucapan terpaksa mengubahnya kerana mereka tidak tahu apa yang Pak Lah hendak bercakap. Beliau (Pak Lah) berkata apa saja bentuk kritikan mesti diterima, cuma ada yang baik dan tidak baik. Jika mengaibkan, eloklah tidak diperkatakan. Itu kata penting, jadi tidak ada seorang pun perwakilan dengan terbuka atau marah dengan Tun Dr Mahathir, cuma fokus kepada Mukhriz Mahathir saja kerana kelantangannya bersuara.

? Sebelum perhimpunan, ramai mahu mendengar perbincangan terutama kritikan Tun Dr Mahathir terhadap Pak Lah tetapi keseluruhan perbincangan tidak banyak menyentuh mengenainya. Bagaimanakah keadaan itu boleh berlaku.

Jawapannya mudah. Pak Lah sendiri mengatakan beberapa kali dalam ucapannya bagaimana kita harus mendoakan Tun Dr Mahathir sihat. Jangan fikir hal lain dan kita menjanjkan segala kemudahan yang boleh diberikan negara ini untuk Tun Dr Mahathir. Jadi, bagaimana orang hendak bangkang? Pasti orang yang menimbulkan soal itu akan menjadi malu.

Begitulah caranya menangani kritikan. Bukan dengan cara marah-marah tetapi menunjukkan bahawa kita ada kesabaran, penerimaan dan murah hati terhadap kritikan orang lain. Pak Lah tunjukkan sendiri dan itu sewajarnya menjadi ikutan.

Saya berasakan keadaan itu seperti air yang memadam semua api dan bara. Hanya dalam satu perenggan ucapannya, beliau memadamkan api itu. Malah, beliau secara tidak langsung sebenarnya mencabar perwakilan untuk menimbulkan tetapi tidak mengaibkan.

Itulah cabarannya tetapi dalam masa sama beliau berkata, sesiapa yang membuat fitnah akan dihukum. Itu yang menakutkan orang pada persidangan Umno. Beliau lembut tetapi

tegas. Itulah cara Pak Lah. Bukan bertempik-tempik. Jadi, pada saya cara itu memang menggalakkan orang tidak boleh bereaksi marah. Jika hendak jawab pun biar dengan caranya.

? Sebelum ini kritikan Tun Dr Mahathir seolah-olah menyalahkan kelemahan Pak Lah. Apabila berakhirnya perhimpunan, adakah imej yang diberikan kepada Pak Lah itu berjaya dipadamkan.

Saya berpendapat ia berjaya dipadamkan terutama di kalangan ahli Umno. Berjaya dipadamkan tidak bererti yang benar itu tidak ada. Mungkin baranya masih ada tertinggal dan baranya itu boleh dilihat apabila Mukhriz membuat kenyataan.

Ini bererti orang boleh mendengar dan taat permintaan beliau itu. Bagi saya itu yang penting dan bagi Pak Lah itu paling penting. Banyak lagi cerita penting dan beliau menjawab kritikan Tun Dr Mahathir itu dalam ucapannya.

Misalnya, jika hendak menaikkan saham. Kita boleh naikkan sehingga RM400 bilion, Petronas dan Felda itu masuk dalam senarai saham dan beraraf dunia tetapi itu yang kita tidak mahu, iaitu berpura-pura. Itu semua bukan kita punya yang boleh diseluk bila-bila kita hendak.

Beliau turut menjawab bahawa tidak menggunakan Petronas seperti yang disangka orang ramai. Jadi persidangan itu secara tidak langsung memberi peluang kepadanya menjawab. Bagi isu jambatan pula, beliau tidak menjawab dengan jambatan bengkok tetapi menjawab dengan kedaulatan negara.

Mengapa kita hendak meremehkan kedaulatan negara dengan soal

membandingkan tempoh 22 tahun berbanding tiga tahun. Jika diikuti dalam tiga tahun pertama Tun Mahathir itu, pembunuhan Taha Talib oleh Mokhtar Hashim. Jadi, jika hendak dibandingkan tidak adil. Sejarah itu berbeza-beza. Apa yang kita harus jadikan ukuran supaya ada perbandingan ialah ketika pemilihan Umno itu.

Bagi saya, Pak Lah pula dalam tempoh tiga tahun itu tidak kurang kejutannya. Pada persidangan yang tidak ada pemilihan aman sedikit terutama pada hari ini semua usul tidak ada yang bangkang pun. Semua usul dicadangkan itu tidak diubah perkataannya dan diterima semua ahli Umno.

Ini belum pernah berlaku lagi. Kita tidak pernah lihat lagi kerana usul Umno sebelum ini tidak semuanya diterima sebulat suara dan tidak diubah ahli Umno itu sendiri. Kali ini diterima dan langsung tidak diubah. Itu yang menarik pada saya.

Apakah itu keistimewaan Pak Lah? Saya sendiri tidak tahu tetapi pada pandangan saya dikalangan kira-kira 2,500 perwakilan itu takkan langsung tidak ada yang membantah. Itu menunjukkan kesebulatan. Itu yang penting sebenarnya.

Maknanya, jika dari segi politik, penghargaan kepada Pak Lah dan secara tidak langsung kejayaan kepadanya setiap cadangan dan usul yang dibawa disokong. Itu tidak pernah berlaku dalam Umno. Selalunya kena bangkang dan diubah jika perkataan tidak sesuai. Macam tidak percaya pula semua bersetuju begitu saja. Ini juga luar biasa. Saya tidak tahu sama ada perwakilan itu malu hendak mengubahnya atau berasakan jika diubah itu tanda tidak taat setia ataupun menunjukkan tidak faham. Siapa yang hendak menunjuk-

“Walaupun sehebat mana konflik di luar terutama dengan Tun Dr Mahathir, sebenarnya isunya tidak timbul kerana Pak Lah sendiri mengambil langkah bahawa ini isu terbuka”



jambatan. Jadi, Pak Lah jawab dan jika masih tidak faham lagi, susahlah. Pada umumnya, beliau lebih mengutamakan apa di sebalik soalan itu. Isu rasuah, misalnya, jika beliau jawab dan jika tidak bercakap mengengainya bukan bermakna rasuah itu sudah berhenti. Rasuah itu sentiasa berlanjutan, jadi tidaklah boleh berhenti bercakap.

Apa yang disebut mengenai rasuah itu sangat menarik. Pak Lah berkata, jika tugas penggubal undang-undang itu boleh dikawal tetapi dalam sistem kehakiman tidak boleh berbuat apa-apa dan tidak mahu masuk campur.

Sekarang ini, beliau mengharapkan orang dalam sistem kehakiman itu sensitif. Apa yang rakyat anggap penting dahulukan kes itu. Janganlah tunggu dua atau tiga tahun ataupun ikut giliran. Mana yang boleh dibuat dan diutamakan seperti kes *high profile* itu untuk kepentingan rakyat bersama, dahulukanlah.

Beliau susah kerana memperjuangkan itu tetapi apa yang dilihat hari ini masih tidak ada sambutan sedangkan sistem kehakiman itu sebahagian daripada negara. Dalam pengasingan kuasa, kehakiman itu mengandungi orang yang pandai tetapi mengapa tiada tindakan? Sebenarnya, Pak Lah mengkritik secara tajam tetapi kita tidak perasan.

? Bagaimana pandangan Datuk mengenai perhimpunan ketika zaman Pak Lah berbanding era bekas Presiden, Tun Dr Mahathir.

Perbezaannya sangat besar kerana Tun Mahathir hampir 22 tahun dan itu bermakna 22 persidangan Umno. Ia termasuk persidangan tahun 1987 yang menyebabkan perpecahan Umno menjadi dua kumpulan dan Umno itu terpaksa digantung sebelum pendaftarannya dibatalkan sehingga terpaksa dicipta Umno baru.

Jadi, tidak adil bagi saya untuk

kan kelemahan? Tidak tahulah usul itu langsung tidak diubah adakah kerana terlalu faham ataupun terlalu bimbang untuk mengubahnya. Itu kita tidak tahu.

? Adakah disebabkan kelembutan dalam ketegasan yang diamalkan Pak Lah menyebabkan ahli Umno menyokong sebulat suara usul yang dibahaskan.

Saya setuju. Ini kerana Pak Lah sering mengatakan bahawa beliau seorang hamba Allah. Seorang yang tidak sempurna dan dengan rendah diri mengakui kelemahan itu. Bagi saya itu yang membuatkan orang lain berasa lemah untuk mengkritiknya.

? Bagaimana isu yang dibincangkan perwakilan kali ini.

Bagi saya cara memahami masyarakat ada tiga cara. Pertama, mengenai waktu; kedua, ruang dan ketiga kelajuan perkembangan seseorang itu atau satu kelompok itu. Kadangkala kita dapati orang itu laju bercakap tetapi pemikirannya perlahan. Hebat bunyinya, tetapi, kandungan kurang.

Jadi, saya nampak ada perbezaan antara kelompok itu. Jika tidak silap saya, sebanyak 70 peratus yang bercakap adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Ahli Parlimen. Jadi maknanya, kita benar-benar mendapat pemimpin Umno yang bercakap. Cuma ada beberapa orang saja yang menyampaikan idea bernas. Bagi saya, sidang Umno ini adalah satu pentas sama seperti Istana Budaya. Jadi, sidang Umno ini seperti satu pementasan teater yang tidak ada skrip. Mereka boleh cakap apa mereka mahu. Menjadi ukuran sekarang ini ialah kemampuan siapa yang bercakap itu untuk mengubah apa yang sudah disediakan mereka itu selari dengan apa yang Pak Lah. Ada juga perwakilan yang bercakap tidak ada kena mengena dengan apa

yang Pak Lah bercakap. Contohnya, isu isteri menteri berpakaian seksi.

? Jadi, inilah yang dimaksudkan dengan kelajuan? Pandangan Datuk, berapa peratus pula perwakilan mencapai kelajuan itu?

Bagi saya, hanya 50 peratus saja perwakilan menepati kelajuan itu. Ada beberapa perwakilan memberi ucapan bagus. Menyentuh apa Pak Lah cakap, dan memberi tindak balas serta memberi cadangan.

Contohnya, Pak Lah membincangkan perpaduan nasional, seharusnya jika saya diberi peluang bercakap, apa yang dimaksudkan dengan perpaduan nasional ini ialah bukan saja perpaduan kaum, perpaduan wilayah tetapi penting sekali ialah cara kita menyuarakan rasa tidak puas hati.

Janganlah menggunakan cara yang lebih banyak menimbulkan rasa tidak puas hati. Misalnya, beberapa menteri berjumpa Pak Lah untuk menghantar memorandum. Padahal, BN mempunyai Majlis Tertingginya. Mengapa tidak dibincangkan dalam konteks itu.

Maknanya ada beberapa lapis yang kita harus lihat dalam perbincangan ini. Hanya satu dan dua lapisan saja. Itu yang saya maksudkan perbincangan itu tidak mendalam.

Kedua, bagi saya Pengerusi Tetap harus membuat peraturan. Ada orang yang bercakap sehingga sejam, **ada 15 minit. Itu tidak bolehlah. Jika 15 minit, perlu patuhilah masa itu.** Kita perlu wujudkan peraturan untuk menunjukkan Umno itu ikut peraturan.

Pada pandangan saya, satu tindakan praktikal ialah mengeluarkan arahan supaya menggunakan waktu dengan cermat dan hemat serta bijak. Bukan membuang masa dengan pantun lucah atau jenaka. Yang penting ialah kandungan ucapan itu bernas. Jika kandungan bernas, orang pun suka mendengarnya.

? Antara yang menonjol pada perhimpunan kali ini ialah isu berkaitan hak orang Melayu. Mengapakah perkara ini mendapat lebih perhatian?

Saya rasa hak orang Melayu ini isunya terlalu sempit, hal ekonomi saja. Jika kita mengikut Perlembagaan, isu hak Melayu termasuk mengenai status agama Islam, kedudukan Raja, tanah adat, bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu. Hanya satu daripada lima perkara dibincangkan.

Agenda yang dibincangkan adalah mengenai 'perut' dan bukan agenda Melayu. Secara kebetulan yang membincangkan adalah orang Melayu. Jika agenda Melayu bukan soal 'perut' tetapi membincangkan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pak Lah kata tiada lagi DEB. Betul!

Hujah saya begini. Mengikut Perlembagaan, terutama Perkara 153, tiada diberitahu mengenai keistimewaan sistem kuota dari segi tempoh pelaksanaan dan jumlah sasaran. Perlembagaan hanya menyatakan bahawa orang Melayu berhak mendapat itu dan ini.

Apabila berlaku rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, baru kita memperkenalkan DEB yang buat kali pertama menetapkan sasaran dan jadual pelaksanaan atau DEB adalah satu pakej daripada hak istimewa orang Melayu, terutama ekonomi. Empat perkara lain seperti Raja dan agama Islam tidak termasuk.

“Pengerusi Tetap harus membuat peraturan. Ada orang bercakap sejam, ada 15 minit. Itu tidak bolehlah. Jika 15 minit, perlu patuhi masa itu. Kita perlu wujudkan peraturan untuk menunjukkan Umno itu ikut peraturan”

Apabila Pak Lah menyatakan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, ini adalah berlandaskan Perlembagaan kerana tiada tempoh masa. Oleh itu, DEB perlu dipakej semula sebagai Dasar Pembangunan Nasional (DPN) atau Wawasan 2020. Oleh kerana Perlembagaan tidak memberikan tempoh masa, sasaran dan jadual, DEB adalah dasar yang tiada penghujung. Ini benar! Perlembagaan tidak menyatakan itu.

? Adakah hak orang Melayu dicabar seperti dinyatakan perwakilan.

Saya rasa bukan hak orang Melayu dicabar, tetapi maklumat mengenai pencapaian orang Melayu. Kaum bukan Melayu mahu melihat pencapaian orang Melayu jika melalui program khas tidak dilanjutkan. Itu nadanya, mengapa tidak habis-habis? Pada pandangan saya, orang bukan Melayu tidak mencabar tetapi bertanyakan bila DEB hendak tamat? Oleh itu, huraikan bahawa DEB adalah dasar tiada penghujung.

Kenapa? Perlembagaan mengatakan begitu. DEB adalah pakej dan dipakej semula sebagai DPN dan Wawasan 2020 adalah satu lagi yang dipakej semula. Itu kita perlu huraikan kerana pandangan umum orang Melayu bahawa segala-galanya selesai selepas DEB berakhir. Kita terlalu memfokuskan kepada DEB sebagai program sedangkan sifat Perlembagaan bukan program. Perlembagaan bersifat kontrak sosial. Sekarang jika hendak membincangkan DEB, strategi membincangkan itu perlu diubah.

? Berdasarkan isu berkaitan orang Melayu yang dibangkitkan pada Perhimpunan Agung Umno dan mendapat reaksi negatif daripada parti komponen BN lain, adakah sudah sampai masa perkara paling dasar dalam Perlembagaan diperjelaskan untuk mengelakkan terus menjadi isu.

Memang sudah lama sampai masa tetapi tidak dihuraikan. Ramai bijaksana dalam Umno dan ada Biro Undang-Undang, tetapi apa guna? Rugi kerana perkara pokok tidak boleh dibincangkan. Saya tidak tahu hingga bila perkara ini berlarutan.

Saya tidak terkejut dengan reaksi tidak senang dan marah parti komponen BN terhadap kenyataan pemimpin Umno dalam sesetengah isu yang dibangkitkan. Mereka sudah 'baca' semua ini. Mereka mempunyai pasukan pentafsir yang bagus serta mengetahui perbezaan antara hak is-

timewa dan persamaan hak serta tidak mahu membincangkan.

Mereka hanya mahu membincangkan mengapa memberikan hak istimewa kepada golongan majoriti kerana itu bukan persamaan hak. Pada pandangan saya, hak istimewa kepada orang Melayu bukan perkara asas, tetapi am dan pelbagai dalam Perlembagaan serta unik kepada Malaysia.

Perkara seperti kebebasan asasi memang wujud dalam mana-mana Perlembagaan negara lain, tetapi ada satu bahagian dalam Perlembagaan yang menyatakan am dan pelbagai. Kaum lain faham dan tidak akan menolong kita memahami kerana dia mahu pemahaman itu mengikut apa yang mereka hendak faham. Kita perlu berhujah semula dengan pemahaman lain.

Kita berhujah menggunakan hadis, tetapi teknik itu tidak dibawa kepada berhujah secara moden. Kita ada empat mazhab, tetapi mengapa tidak ada 20 mazhab mengenai DEB.

? Perhimpunan kali ini bukan saja diikuti orang Melayu tetapi juga kaum lain. Apakah pandangan Datuk.

Untuk kali pertama persidangan Umno disiarkan secara langsung dalam Astro dan melalui laman web Umno. Saya rasa apa yang berbeza sekarang ialah kita ada audien yang lebih besar bukan saja orang Melayu.

Kadangkala perwakilan tidak tahu dan lupa bahawa mereka ditonton secara langsung. Apabila bercakap secara langsung ia berbeza daripada program yang dirakam. Ia menonjolkan kepemimpinan ahli perwakilan itu sendiri.

Perwakilan nampaknya sangat kurang celik dengan media. Sepatutnya apabila berada dalam siaran langsung cara kita bercakap perlu lain sedikit kerana kita diperhatikan pengundi. Jadi jagalah.

Ada sesetengah perwakilan yang menganggap isu dibahaskan tidak sensitif tetapi rupanya sensitif. Jadi, kematangan mereka menggunakan media perlu dengan menyesuaikan diri mengikut jenis media itu. Mungkin selepas ini, kena buat satu penelitian apakah yang sensitif dan tidak sensitif di luar. Jika ada siaran langsung lagi perlu diadakan kajian reaksi terhadap pelbagai kaum terutama membabitkan kaum lain.

? Ini bermakna ada kesan apa bila perhimpunan agung Umno diadakan secara langsung.

Kesannya luar biasa dan jika salah cakap tidak boleh ditarik balik. Jadi setiap apa yang dilontarkan perlu dikaji kerana bimbang menimbulkan masalah lain.

? Apakah kesimpulan yang boleh dibuat terhadap perhimpunan ini dan bolehkah pertemuan tahunan kali ini membina semangat untuk orang Melayu bersatu.

Kesimpulan saya satu saja, iaitu apa yang dikehendaki Pak Lah dalam perhimpunan ini ialah Umno bukan hanya memimpin Melayu, tetapi memimpin kaum lain dalam negara ini. Lebih 50 peratus menteri Kabinet adalah ahli Umno dan anda adalah pemimpin dan bukan hanya bercakap mengenai ahli Umno dan orang Melayu. Kita wujud bersama banyak kaum lain.

Itulah mesej terakhir Pak Lah. Berdasarkan 12 Gagasan yang dibincangkan, beliau menyebut perkara pertama pemimpin dan terakhir, perpaduan nasional serta bagaimana hendak menggabungkan. Kemampuan kepemimpinan negara supaya perpaduan nasional dikekalkan.

Jika tidak dapat dikekalkan, ekonomi macam mana pun runtuh. Itu yang menyebabkan kewujudan negara menjadi perkara terpenting dan kepada Pak Lah, ini bergantung kepada kepemimpinan yang berkesan dan menjadi pemimpin kepada semua kaum untuk perpaduan nasional bagi membolehkan segala yang dirancang boleh dilaksanakan. Mesej ini cukup mudah dan tidak sukar difahami.

“Satu tindakan praktikal ialah mengeluarkan arahan supaya menggunakan waktu dengan cermat dan hemat serta bijak. Bukan membuang masa dengan pantun lucah atau jenaka”

